



Ruj. Kami : JH/126 Jld 4 (12)  
Tarikh : 27 Mei 2016

**Pengarah Perhutanan Negeri:**

Johor, Kedah, Kelantan, Melaka,  
Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis,  
Pulau Pinang, Selangor, Terengganu  
dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Pengarah-Pengarah Bahagian:**

Perancangan dan Ekonomi Hutan, Pengurusan Hutan, Ladang Hutan dan  
Perlindungan Hutan, Latihan Perhutanan Hutan, Silvikultur dan Perlindungan Biologi  
Hutan, Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, Penguatkuasaan Hutan, Hal Ehwal  
Antarabangsa, Kejuruteraan Hutan, Perundangan & Pendakwaan, Teknikal & Industri  
Kayu, Pengurusan Maklumat dan Khidmat Pengurusan

**Ketua Unit:**

Integriti Perhutanan dan  
Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
BILANGAN 4 TAHUN 2016: PANDUAN PENGKOMPAUNAN KESALAHAN  
INDUSTRI BERASAS KAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tercatat di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Dan Operasi Hutan (JKPOH) Bil. 2/2016 yang diadakan pada 19 Mei 2016 di IPJPSM telah bersetuju dengan ‘Panduan Pengkompaunan Kesalahan Industri Berasas Kayu Di Semenanjung Malaysia’ digunakan oleh semua Jabatan Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia.
3. Bersama-sama ini diedarkan Pekeling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 4 Tahun 2016 iaitu **Panduan Pengkompaunan Kesalahan Industri Berasas Kayu Di Semenanjung Malaysia** untuk tindakan YBhg. Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

**JPSM BERWAWASAN**  
(Sila nyatakan rujukan Jabatan ini apabila berurusan)



4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, pemakaian pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dengan tarikh edaran ini.
5. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPOAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)**

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

s.k.: YBhg. Dato' Sri Dr. KPPSM

YBhg. Dato' TKP (DP)

YBrs. Tuan TKP (OT)

PB(TK)



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN  
SEmenanjung Malaysia Bilangan 4 TAHUN 2016**

---

**PANDUAN PENGKOMPAUNAN KESALAHAN INDUSTRI BERASAS KAYU  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan panduan pengkompaunan kesalahan industri berasas kayu mengikut Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009).

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengawalseliaan industri-industri berasas kayu adalah berpandukan kepada Enakmen Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu yang berkuatkuasa di setiap negeri serta disokong oleh peraturan dan prosedur yang ditetapkan dalam Manual Perhutanan dan surat-surat Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri.
- 2.2 Dalam Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009) telah dimasukkan peruntukan kuasa mengkompaun kesalahan yang dilakukan oleh pemilik industri berasas kayu. Di samping

itu juga penalti yang lebih berat telah diperuntukkan ke atas kesalahan industri berasas kayu yang dilakukan bagi memastikan pihak industri berasas kayu mematuhi prosedur pentadbiran yang ditetapkan dengan lebih berkesan.

2.3 Pada Seksyen 28A, Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009) memperuntukkan pengkompaunan kesalahan industri berasas kayu iaitu:

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan kesalahan di bawah Enakmen ini yang boleh dikompaun;

(2) Pengarah boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, secara bertulis menawarkan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini yang dilakukan oleh mananya orang dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Pengarah suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu;

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan;

(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (2) tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat;

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pengarah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun oleh Pengarah.

### 3.0    OBJEKTIF

- 3.1 Pengkompaunan kesalahan-kesalahan industri berasas kayu adalah untuk meningkatkan kecekapan didalam kawalselia industri berasas kayu dan mengurangkan proses pendakwaan kesalahan industri berasas kayu di mahkamah.
- 3.2 Borang pengkompaunan yang seragam digunakan adalah untuk memudahkan tugas pegawai penguatkuasa di Jabatan Perhutanan Negeri semasa mendaftarkan kesalahan industri berasas kayu.

### 4.0    BORANG PENGKOMPAUNAN

- 4.1 Penggunaan borang bagi pengkompaunan kesalahan industri berasas kayu adalah selaras dengan peruntukan di bawah Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009).
- 4.2 Borang bagi suatu notis tawaran untuk mengkompaun kesalahan industri berasas kayu hendaklah dibuat oleh Pengarah Perhutanan Negeri dengan menggunakan **BORANG IBK-(1)** seperti di **Jadual Pertama**.

- 4.3 Borang bagi seseorang yang menyetujuterima tawaran untuk dikompaun kesalahan industri berasas kayu hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dengan menggunakan **BORANG IBK-(2)** seperti di **Jadual Kedua**.
- 4.4 Borang bagi bukti pembayaran hendaklah dikeluarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri kepada orang yang dikompaun apabila menerima bayaran kompaun kesalahan industri berasas kayu dengan menggunakan **BORANG IBK-(3)** seperti di **Jadual Ketiga**.

## 5.0 Kadar Pengkompaunan

- 5.1 Kadar suatu tawaran mengkompaun kesalahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri adalah mengikut suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) amaun maksimum denda bagi kesalahan industri berasas kayu seperti berikut:
  - a) Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009) yang disabitkan dengan kesalahan industri berasas kayu seperti di **Lampiran A1**.
  - b) Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu (Pindaan 2013) yang disabitkan dengan kesalahan industri berasas kayu seperti di **Lampiran A2**.
  - c) Syarat-syarat dalam lesen industri berasas kayu yang disabitkan dengan kesalahan industri berasas kayu seperti di **Lampiran A3**.

## **6.0 KESIMPULAN**

Kuasa pengkompaunan kesalahan industri berasas kayu telah diperuntukkan di dalam Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009) dan penggunaan borang pengkompaunan kesalahan industri berasas kayu tersebut hendaklah digunakan secara pentadbiran bagi tujuan keseragaman perlaksanaannya di semua Jabatan Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia.

## **7.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)**

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 27 Mei 2016

**JADUAL PERTAMA**

**BORANG IBK-(1)**

KERAJAAN NEGERI \_\_\_\_\_

ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986 (Pindaan 2009)

**NOTIS TAWARAN UNTUK MENGOMPAUN KESALAHAN  
[Seksyen 28A]**

Kepada:

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:

Saya mendapati bahawa, berdasarkan maklumat / aduan yang diterima / pemeriksaan yang dilakukan\*, anda telah melakukan kesalahan/kesalahan-kesalahan\* di bawah seksyen/kaedah/syarat\* ..... Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009) / Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu (Pindaan 2013) / Syarat Lesen \* seperti berikut:

Tarikh : .....

Masa : .....

Tempat : .....

Butir-butir kesalahan/kesalahan-kesalahan\*

.....  
.....  
.....

2. Anda adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 28(A), Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009), saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan / kesalahan-kesalahan\* itu dengan bayaran wang sejumlah RM.....(Ringgit Malaysia .....

3. Jika tawaran ini diterima, bayaran hendaklah dibuat dengan kiriman wang / kiriman pos / perintah juruwang / cek jurubank / draf bank, yang dibuat boleh dibayar kepada Pengarah Perhutanan Negeri ..... dan dipalang dengan perkataan “Akuan Penerima Sahaja” dan boleh diserahkan dengan tangan atau melalui pos ke alamat yang berikut:

.....  
.....  
.....

4. (1) Tawaran untuk mengkompaun kesalahan / kesalahan-kesalahan\* ini berkuatkuasa sehingga ..... Jika bayaran sepenuhnya jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 diterima sebelum waktu urusan berakhir pada tarikh itu, tiada prosiding lain yang selanjutnya akan diambil terhadap anda mengenai kesalahan/kesalahan-kesalahan\* itu;

(2) Jika jumlah wang yang ditawarkan tidak diterima dalam masa yang ditetapkan dalam subperenggan (1) perenggan ini, pendakwaan bagi kesalahan / kesalahan-kesalahan\* itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis yang selanjutnya.

Bertarikh pada .....

.....  
*Pengarah Perhutanan Negeri*

---

\* Potong yang tidak berkenaan

**JADUAL KEDUA**

**BORANG IBK-(2)**

KERAJAAN NEGERI \_\_\_\_\_

ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986 (Pindaan 2009)

**PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN MENGKOMPAUN KESALAHAN**  
[Seksyen 28(A)]

Pengarah Perhutanan Negeri .....

.....  
.....  
.....

Saya merujuk kepada Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ..... bertarikh

2. Saya bersetuju menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan menyertakan bersama ini kiriman wang / kiriman pos / perintah juruwang / cek jurubank / draf bank\* No..... sejumlah RM.....  
(Ringgit Malaysia .....

.....)  
bagi membayar sepenuhnya jumlah yang dinyatakan di perenggan 2, Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan : .....

Nama (Huruf Besar) : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

Tarikh : .....

---

\* Potong yang tidak berkenaan

**JADUAL KETIGA**  
**BORANG IBK-(3)**

KERAJAAN NEGERI \_\_\_\_\_

ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986 (Pindaan 2009)

**AKUTERIMA BAYARAN KOMPAUN**  
[Seksyen 28(A)]

No. Resit .....

Diterima daripada ..... kiriman wang / kiriman pos / perintah juruwang / cek jurubank / draf bank\* sejumlah RM.....(Ringgit Malaysia .....  
.....) sebagai penerimaan dan bayaran tawaran mengkompaun mengenai kesalahan/kesalahan-kesalahan\* yang disebut dalam Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ..... bertarikh  
.....

Bertarikh pada .....

.....  
*Pegawai yang mengeluarkan resit*

.....  
*Pengarah Perhutanan Negeri*

---

\* Potong yang tidak berkenaan

**ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986 (PINDAAN 2009)**  
**YANG DISABITKAN DENGAN KESALAHAN INDUSTRI BERASAS KAYU**

Seksyen	Keterangan	Kadar Kompaun Maksimum
3(2A)	Mana-mana orang yang melakukan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (2) apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi <b>lima puluh ribu ringgit</b> atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.	RM 25,000.00
3(4)	Mana-mana orang yang melakukan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (3) apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi <b>dua puluh lima ribu ringgit</b> atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.	RM 12,500.00
17	Mana-mana orang yang, kecuali semasa menjalankan tugas rasminya di bawah Enakmen ini, meroboh, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang disita di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi <b>dua puluh ribu ringgit</b> atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.	RM 10,000.00
20(3)	Mana-mana orang yang -  (a) dengan sengaja melengahkan, menggendarakan atau menghalang seseorang pegawai hutan dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen ini;  (b) enggan memberikan bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai itu dalam menjalankan mana-	RM 10,000.00

	<p>mana kuasa di bawah seksyen ini;</p> <p>(c) tanpa alasan yang munasabah, tidak atau enggan mengemukakan apa-apa rekod atau dokumen yang dikehendaki oleh pegawai itu dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen</p> <p>ini atau yang, semasa mengemukakan apa-apa maklumat, rekod atau dokumen yang dikehendaki, dengan disedarinya atau dengan melulu membuat apa-apa pertanyaan yang palsu dalam sesuatu butir material atau yang dengan disedarinya mengemukakan apa-apa rekod atau doumen yang palsu dalam sesuatu butiran material, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi <b>dua puluh ribu ringgit</b> atau penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.</p>	
21(3)	Mana-mana orang yang, tanpa sebab yang munasabah,tidak atau enggan mematuhi apa-apa kehendak pegawai hutan atau pegawai polis di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi <b>sepuluh ribu ringgit</b> atau penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu.	RM 5,000.00
27	<p>Jika seseorang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini yang tiada apa-apa penalti dinyatakan baginya, dia boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau denda yang tidak melebihi <b>sepuluh ribu ringgit</b>, atau kedua-duanya penjara dan denda itu.</p> <p>Seksyen di bawah Enakmen ibu yang terlibat iaitu:</p>	RM 5,000.00

	<p><u>Seksyen 7;</u></p> <p>'Seseorang pemegang lesen hendaklah menyelenggarakan rekod-rekod dan memberikan penyata-penyata dan maklumat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang mengenainya lesen itu diberikan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu, atau sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa, atau sebagaimana yang dikehendaki secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Pengarah supaya diselenggarakan atau diberikan.'</p> <p><u>Seksyen 9(1);</u></p> <p>'Sesuatu lesen tidak boleh diserahkan atau dipindahmilikkan dengan apa-apa cara atau dalam apa-apa bentuk dan apa-apa hak di bawah atau mengenai lesen itu tidak boleh diberikan, atau dilupuskan, atau diserahkan kepada mana-mana orang pemegang lesen, kecuali sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri, dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri semasa memberikan kebenaran itu.'</p> <p><u>Seksyen 9(2);</u></p> <p>'Seseorang pemegang lesen tidak boleh memberi apa-apa surat kuasa wakil atau melantik wakil mengenai lesen itu, atau mengenai apa-apa hak di bawah lesen itu, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri semasa memberikan kebenaran itu.'</p>	
--	---	--

**Lampiran A2**

**KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI BERASAS KAYU (PINDAAN 2013)**  
**YANG DISABITKAN DENGAN KESALAHAN INDUSTRI BERASAS KAYU**

<b>Kaedah</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Kadar Kompaun Maksimum</b>
10(1)	Lesen yang dikeluarkan untuk menempatkan, membina, mendirikan, menubuhi, mengendalikan atau menyenggarakan sesuatu industri berasas kayu tidak boleh diserahkan atau dipindahmilikkan tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
11	Mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan hendaklah pada setiap mana yang munasabah, berhak memeriksa mana-mana bahagian sesuatu industri berasas kayu dan pemegang lesen, ejen-ejennya dan pekerja-pekerja hendaklah memberi bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai itu semasa pemeriksaan itu.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
12	Pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, mempamerkan lesen yang sah, pelan tapak dan pelan susunatur jentera yang diluluskan di premis industri berasas kayunya dan lesen serta pelan itu boleh diperiksa pada bila-bila masa oleh mana-mana pegawai hutan.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
13	(1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyimpan :-  (a) suatu rekod mengenai ukuran semua kayu bulat, kayu jaras, kayu ditukar bentuk dan apa-apa hasil hutan lain yang dibawa ke dalam premis industri berasas kayu itu;  (b) suatu rekod mengenai jumlah dan jenis kayu bulat, kayu jaras, kayu	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)

	<p>ditukar bentuk dan apa-apa hasil hutan lain yang dikilang;</p> <p>(c) suatu rekod mengenai semua orang yang bekerja dengannya; dan</p> <p>(d) suatu rekod mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah.</p> <p>(2) Semua rekod dalam subkaedah (1) hendaklah mengikut cara dan dalam bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah.</p>	
14	Tiada seorang pemegang lesen pun boleh mengendalikan sesuatu industri berasas kayu dari pukul 7 malam hingga pukul 7 pagi melainkan jika dibenarkan selainnya secara bertulis oleh Pengarah.	RM 5,000.00 <i>(Merujuk Kaedah 16)</i>
15	Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana pemegang lesen memberikan apa-apa butir atau maklumat berkaitan dengan mana-mana aktiviti industri berasas kayu.	RM 5,000.00 <i>(Merujuk Kaedah 16)</i>
16	Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan atas sesuatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan sesuatu industri berasas kayu adalah melakukan satu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau denda yang tidak melebihi <b>sepuluh ribu ringgit</b> atau kedua-duanya.	RM 5,000.00

**SYARAT-SYARAT DALAM LESEN INDUSTRI BERASAS KAYU YANG DISABITKAN DENGAN KESALAHAN INDUSTRI BERASAS KAYU**

Syarat	Keterangan	Kadar Kompaun Maksimum
1	<p>Pemegang lesen tidak boleh :-</p> <p>a) Memindahmilikkan lesen ini;</p> <p>b) Menyewakan, memajakkan, meminjamkan, menggadaikan atau menjual keseluruhan Industri Berasas Kayu atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kelengkapan atau bahagian apa-apa kelengkapan di dalam industri berasas kayu; atau</p> <p>c) Membuat apa-apa pertukaran dalam pemegangan saham keseluruhan industri berasas kayu atau mana-mana bahagiannya,</p> <p>tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.</p>	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
2	Lesen ini hendaklah pada setiap masa tertakluk kepada Sijil Kelayakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 atau kebenaran bertulis Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Akta itu yang berkuatkuasa berkenaan dengan kilang itu.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
3	Industri Berasas Kayu itu hendaklah terdiri daripada jentera yang disenaraikan dalam Bahagian B, dan tiada jentera boleh ditambah kepada atau dipindahkan dari industri berasas kayu tanpa kebenaran bertulis Pengarah Perhutanan Negeri.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)

4	Industri Berasas Kayu itu hendaklah dibina mengikut pelan lokasi, pelan tapak, pelan bangunan dan pelan susun atur jentera yang diluluskan dan tiada perubahan/tambahan boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis Pengarah Perhutanan Negeri.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
5	Lesen ini bersama pelan tapak dan pelan susun atur jentera yang diluluskan hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah kelihatan di premis Industri Berasas Kayu.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
7	Akses ke semua bahagian bangunan dan premis Industri Berasas Kayu hendaklah diberikan kepada mana-mana pegawai hutan pada bila-bila masa dan, bagi maksud pemeriksaan, mana-mana jentera yang sedang berjalan hendaklah diberhentikan apabila dikehendaki oleh pegawai hutan itu.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
9	Industri Berasas Kayu itu hendaklah dijaga supaya bersih pada setiap masa dan semua pengeluaran, pelepasan, peletakan atau pelupusan buangan atau pencemaran kebisingan dan pelepasan bau hendaklah menepati standard-standard yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)
10	Pemegang lesen hendaklah menyenggarakan suatu rekod yang menunjukkan kayu/rotan/buluh* dan hasil hutan lain yang dibawa ke dalam Industri Berasas Kayu untuk diproses, dan hasil pengeluaran keluaran-keluaran siap atau separuh siap dari Industri Berasas Kayu itu setiap hari.	RM 5,000.00 (Merujuk Kaedah 16)